

04/11/1999

Abdul Aziz jadi senator

KUALA LUMPUR, Rabu - Setiausaha Politik Perdana Menteri, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin, 62, hari ini mengangkat sumpah sebagai senator di hadapan Yang Dipertua Dewan Negara Tan Sri Mohamed Ya'acob di bangunan Parlimen.

Pelantikan itu untuk tempoh tiga tahun mulai semalam. Antara yang menyaksikan majlis itu ialah Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara Datuk Michael Chen, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Ibrahim Ali, Senator Rosli Mat Hassan, Senator Kamilia Ibrahim dan Senator Faridah Abu Hassan.

Abdul Aziz berkhidmat sebagai pegawai khas kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mulai 1975 sebelum dilantik sebagai Setiausaha Politik beliau pada 1981 apabila Dr Mahathir menggantikan Tun Hussein Onn sebagai Perdana Menteri.

Beliau berkelulusan Maktab Perguruan Sultan Idris dan mempunyai Ijazah Sarjana Muda Hubungan Antarabangsa.

(END)